

**ANALISA TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR-PELAJAR MATRIKULASI  
TENTANG PROFESION UKUR BAHAN**

**NORASHIKIN ALI**

**Laporan tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**April 2007**

## ABSTRAK

Profesion ukur bahan merupakan satu keperluan untuk menjana ekonomi negara khususnya dalam sektor pembinaan di mana bilangannya perlu dikaji adakah ianya mencukupi dari semasa ke semasa. Langkah-langkah mempromosikan profesion ini perlu diambil bagi memastikan profesion ini terus berkembang di kalangan generasi muda terutamanya golongan pelajar pra-universiti. Dengan langkah tersebut, lebih ramai pelajar akan berkeyakinan dan memilih profesion ini sebagai prospek kerjaya mereka pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar matrikulasi mengenai profesion ukur bahan dan trend pemilihan program serta universiti. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan 170 set borang soal selidik kepada pelajar empat buah kolej matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan dua buah matikulasi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Berdasarkan analisa yang dilakukan, didapati tahap pengetahuan pelajar matrikulasi tentang profesion ini adalah pada tahap baik. Dari segi pemilihan kursus Sarjana Muda, pelajar matrikulasi KPM lebih cenderung mengikuti Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Perubatan dan Perakaunan. Manakala bagi pelajar matrikulasi KPTM, didapati pelajarnya lebih cenderung memilih Sarjana Muda Ukur Bahan, Perubatan dan Senibina. Analisa kajian ini juga menunjukkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjadi pilihan majoriti pelajar matrikulasi KPM, manakala Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pula menjadi pilihan majoriti pelajar matrikulasi KPTM.

## **ABSTRACT**

Quantity surveyor is one of a necessity to generate the economy of the country especially in the construction sector where the number of them should be search whether it is sufficient from time to time. Ways to promote the profession should be taken to make sure the profession among young generation such as pra-university's students so that more students will be confidence and might choose this profession as their future career prospect. Thus, this research aims to identify matriculation's student level of knowledge towards this profession and the trend of programme and university selection. This research done by distributing 170 sets of questionnaire to four matriculation colleges which is under Ministry of Education (KPM) and two matriculation programme is under Ministry of Higher Education (KPTM). Based on the analysis, it shows that matriculation's student level of knowledge towards this profession is good. KPM matriculation's students prefer to take degree course such as chemistry engineering, medical and accounting. While KPTM matriculation's students prefer to take degree course such as quantity surveying, medical and architecture. The analysis also shows that Universiti Teknologi Malaysia (UTM) was the majority choices for the KPM matriculation's students, while Universiti Islam Antarabangsa (UIA) was the majority choices for the KPTM matriculation's students.